

'Cakap serupa bikin' serlah wibawa Kerajaan Perpaduan di Parlimen

- Ini boleh dilihat melalui pindaan peraturan mesyuarat yang mana hukuman lebih tegas terhadap wakil rakyat mengeluarkan perkataan berbau perkauman, menghina dan diskriminasi jantina
- Pembentukan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen diperluaskan yang jelas nampak berfungsi dan berperanan bagi membantu Kementerian serta kerajaan membuat keputusan besar



Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Pada November lalu, berakhirnya persidangan Dewan Rakyat bagi penggal kedua Parlimen Ke-15 yang menyaksikan beberapa kejayaan dan perubahan baharu dilaksanakan sesuai semangat reformasi institusi bagi memperkasakan Parlimen.

Sejak pembukaan Penggal Pertama Parlimen Ke-15, Februari lalu, sebanyak 23 rang undang-undang (RUU), sembilan usul diluluskan, selain pelaksanaan pindaan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sebaik mesyuarat pertama lagi, Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul menekankan keperluan membawa beberapa pembaharuan bagi memperkasakan Parlimen lebih-lebih lagi hampir sebulan krisis pembentukan kerajaan pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) berlaku.

Selaras dengan laungan reformasi menjadi perjuangan Pakatan Harapan (PH), parti peneraju pembentukan Kerajaan Perpaduan, Johari bukan sekadar menyatakan komitmen melalui lisan, tetapi melaksanakannya atau 'cakap serupa bikin'.

Ini dapat dilihat melalui pindaan peraturan mesyuarat yang mana hukuman lebih tegas terhadap wakil rakyat mengeluarkan perkataan berbau perkauman, menghina dan diskriminasi jantina. Beberapa siri penggantungan dilakukan membabitkan ahli Parlimen melanggar peraturan baharu itu sama ada membabitkan penyokong kerajaan atau pembangkang.

Ahli Parlimen Hulu Langat dari PH, Mohd Sany Hamzan pernah digantung sehari dan diarah keluar Dewan Rakyat selepas berlaku kekecohan pada persidangan Parlimen.

Sementara itu, dari segi kualiti perbahasan dan tingkah laku ahli Parlimen, masih ada wakil rakyat sukar mengawal emosi sehingga masih mengungkap perkataan jelic dan tidak 'berparlimen' dalam sesetengah situasi sekali gus mewujudkan kekacauan dalam Dewan Rakyat.

Reformasi membabitkan tempoh masa persidangan tidak lewat dari jam 8.30 malam setiap kali bersidang juga berjaya direalisasikan dan tidak lagi berlarutan sehingga tengah malam atau awal pagi keesokan hari.

Turut diubah aspek adalah pemakaian rasmi yang mana ahli Parlimen tidak perlu lagi mengenakan tali leher di samping pemakaian batik diteruskan pada Khamis.

Satu yang boleh dipuji, pembentukan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen kini diperluaskan yang jelas nampak berfungsi dan berperanan bagi membantu Kementerian serta kerajaan membuat keputusan besar.

Sebanyak sembilan Jawatankuasa Pilihan Khas

dibentuk ketika ini, iaitu Jawatankuasa Pilihan Khas Kebebasan Asasi Dan Hak-Hak Di Bawah Perlembagaan; Kewangan Dan Ekonomi; Keselamatan, Agensi Di Bawah Jabatan Perdana Menteri; Pertanian Dan Perdagangan Dalam Negeri; Pembangunan Infrastruktur; Pendidikan; Hal Ehwal Wanita, Kanak-Kanak dan Pembangunan Sosial serta Kesihatan, Sains Dan Inovasi.

Pada masa sama, beberapa Kertas Putih, penerangan menteri dan kenyataan Perdana Menteri terkait isu semasa yang memerlukan jawapan dan taklimat segera turut dibentangkan termasuk Kertas Putih Kesihatan dan Kertas Putih Dasar Gaji Progresif.

Penggal Kedua Parlimen 15 menyaksikan apa yang dipertahankan PH sebelum menjadi kerajaan iaitu Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) yang idea asalnya bagi memberi ruang Perdana Menteri menjawab isu semasa di Parlimen, benar-benar direalisasikan.

"MQT yang dilaksanakan sejak 2016 menetapkan tempoh setengah jam diperuntukkan untuk tiga soalan berkaitan isu semasa dijawab menteri berkaitan isu ditanyakan"

MQT yang dilaksanakan sejak 2016 menetapkan setengah jam diperuntukkan untuk tiga soalan berkaitan isu semasa dijawab menteri berkaitan isu ditanyakan. Bermula Februari lalu, Perdana Menteri menjawab tiga soalan pada MQT setiap Selasa ketika persidangan Parlimen.

Sejarah baharu juga tercipta pada Penggal Kedua Parlimen Ke-15 apabila buat julung kalinya Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bukan sekadar dibentangkan tetapi turut dibahaskan. Ia termasuk pembentangan dan perbahasan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) pada Jun lalu.

Pembentangan dan perbahasan bersejarah itu dilihat sebagai merintis jalan memperkasa peranan dan fungsi Parlimen yang satu ketika dulu sering dilabelkan hanya tempat untuk *rubber stamp* - institusi sekadar meluluskan.

Apabila membicarakan isu Parlimen sebagai *rubber*

stamp timbul juga persoalan kelulusan RUU dan pindaan akta tertentu dilihat sekadar memberi 'merit' kepada kerajaan tetapi tidak ada kekuatan kepada satu-satu isu dan hal ehwal rakyat sebenar.

Ini boleh dilihat melalui kelulusan RUU Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 (GEG) diluluskan bersama 11 RUU lain bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Ke-15 ini.

RUU GEG menjadi kontroversi apabila dua kali dibentangkan untuk bacaan kali kedua selepas dibentangkan kali pertama pada Mesyuarat Kedua Parlimen Kedua.

Bagaimanapun RUU GEG dibentangkan semula menggugurkan 'jantung' RUU itu bagi peruntukan melarang penggunaan, pembelian, penjualan rokok dan produk vape kepada mereka yang lahir selepas 1 Januari 2007 dan seterusnya.

Dalam isu RUU GEG ini, walaupun ada bantahan daripada kedua-dua penyokong dan pembangkang ketika perbahasan, ia tetap diluluskan kerana ada undian. Dalam meluluskan RUU itu, hanya undian suara saja digunakan dan pembangkang dengan jumlah 75 ahli Parlimen tentu saja sukar mencaibarnya dengan undian belah bahagian.

Sementara itu, beberapa ahli Parlimen pembangkang secara terbuka mengemukakan sokongan kepada Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bukan seorang, tetapi lima Ahli Parlimen Perikatan Nasional (PN) menyatakan sokongan itu walaupun pengakuan itu tidak mengubah apa-apa status quo di Dewan Rakyat kerana tindakan itu tidak menyalahi Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 3) 2022 (Akta A1663) yang melarang ahli Dewan Rakyat bertukar parti.

Malah, ada antara lima ahli Parlimen itu menyatakan mereka tidak keluar parti, masih menjadi ahli parti dan sokongan diberikan sememangnya bagi membolehkan kawasan Parlimen mereka menerima peruntukan pembangunan daripada kerajaan.

Impak pengakuan terbuka itu, sudah tentu mencemarkan imej PN terutama BERSATU yang mana semua menyokong Kerajaan Perpaduan adalah ahli parti berkenaan.

Dengan pengakuan terbuka itu, kedudukan Kerajaan Perpaduan dengan 151 ahli Parlimen sekali gus mematahkan desas-desus pertukaran kerajaan kononnya hayat Kerajaan Perpaduan berakhir dalam masa terdekat.

Perkembangan terbaharu itu juga menjelaskan segala propaganda dan persepsi dimainkan sesetengah pihak terutama pembangkang kononnya kerajaan tidak stabil, adalah tidak benar.

Sebagai kesimpulan, berdasarkan prestasi dan reformasi dilaksanakan, jelas dilihat proses reformasi institusi dalam usaha memperkasakan lagi fungsi dan peranan Parlimen dicanang kerajaan sejak sebelum menjadi kerajaan, nampaknya berjalan pada landasan betul.